

MUNIRAH BINTI AB HAMID

lyn.

MOHD SYAHIZAN BIN SHAHABANI

[Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan, YAA Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar (Pengerusi), YA Dato' Haji Mohd Amran bin Mat Zain (Ahli Panel) dan YA Dato' Haji Hussin bin Haji Harun (Ahli Panel), Pada 14 September 2022 / 17 Safar 1444H]

Permohonan Semakan No. 05000-003-0020-2022 di bawa peruntukan Seksyen 68 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Negeri Sembilan) 2003

Peguam Pemohon: Tiada.

Peguam Responden: Tiada.

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Kes ini adalah suatu permohonan semakan yang difailkan oleh Pemohon pada 2 Jun 2022 bagi menyemak keputusan yang telah diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah pada 6 April 2022 dalam kes Permohonan No. : 05100-011-0179-2022. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah memerintahkan seperti berikut ;

- i. Mahkamah meluluskan permohonan poligami berdasarkan Seksyen 23 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003;
- ii. Plaintif diperintahkan dan difardhukan seperti berikut ;

- a. Membayar nafkah isteri kepada Defendan sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) sebulan. Bayaran hendaklah dibuat melalui akaun Maybank (No. Akaun: 1622 9001 8677) pada atau sebelum 30hb setiap bulan;
- b. Membayar nafkah kepada calon isteri sebanyak RM 500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) sebulan. Bayaran hendaklah dibuat melalui akaun CIMB (No. Akaun: 704 953 223) pada atau sebelum 30hb setiap bulan;
- c. Hak giliran bermalam diberikan sebanyak 4 malam dalam seminggu kepada Defendan dan 3 malam selebihnya kepada Calon Isteri;
- iii. Mahkamah memerintahkan sebarang perubahan terma giliran bermalam hendaklah dibincangkan dengan persetujuan isteri-isteri;
- iv. Mahkamah memerintahkan perintah ini berkuatkuasa setelah berlaku akad.

[2] Notis Permohonan ini difailkan bersama-sama Afidavit Pemohon yang diikrarkan pada 2 Jun 2022. Permohonan semakan ini dibuat berdasarkan alasan bahawa:

- a) Perbicaraan bagi kes Permohonan No. : 05100-011-0179-2022 pada 6 April 2022 (Rabu) jam 10.00 pagi di Mahkamah Tinggi Syariah di Seremban, Negeri Sembilan telah didengar dan diputuskan dengan kehadiran Responden, Mohd Syahizan bin Shahabani, calon isteri bernama Farazila binti Zahari dan wali tanpa kehadiran Pemohon selaku Defendan di dalam kes tersebut.

- b) Pemohon tidak dimaklumkan mengenai kes tersebut dan tidak diserahkan Saman, Pernyataan Tuntutan dan Wakalah Peguam Syarie kes tersebut.
- c) Pemohon menafikan menerima Saman, Pernyataan Tuntutan dan Wakalah Peguam Syarie bagi kes tersebut seperti yang diikrarkan oleh Responden di dalam Afidavit Penyampaian bertarikh 6 April 2022. Ini adalah kerana Pemohon tidak berada di lokasi yang disebutkan di dalam Afidavit Penyampaian tersebut pada masa dan tarikh yang dinyatakan. Oleh yang demikian pernyataan di dalam Afidavit penyampaian tersebut adalah suatu keterangan palsu kerana tidak berlaku sebarang pertemuan di antara Pemohon dan Responden pada tarikh tersebut.
- d) Pemohon mendapati tandatangan Pemohon telah dipalsukan di dalam akuan penerimaan Saman, Pernyataan Tuntutan dan Wakalah Peguam Syarie.

FAKTA KES

[3] Pemohon dan Responden telah berkahwin pada 29 Mei 2020 di Teluk Panglima Garang, Selangor dan telah bercerai kali pertama pada 14 Jun 2020.

[4] Pemohon dan Responden telah rujuk semula pada 16 Jun 2020 tetapi telah bercerai kali kedua dengan jumlah talak dua pada 15 September 2020.

[5] Pemohon dan Responden kemudiannya telah rujuk semula pada 31 Disember 2020 dan sekarang dalam prosiding kes pengesahan lafaz cerai kali ketiga di Mahkamah Rendah Syariah Petaling melalui Saman No.: 10015-054-0023-2022.

[6] Perkahwinan Pemohon dan Responden belum dikurniakan cahayamata.

[7] Responden telah memfailkan permohonan poligami melalui Kes No.: 05100-011-0179-2022 di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban pada 24 Mac 2022 melalui Peguam Syarie Tetuan Nur Muim Farhana & Associates dan kes telah ditetapkan untuk sebutan pertama pada 6 April 2022.

[8] Saman dan Penyata Tuntutan telah diserahkan secara serahan kediri oleh Responden sendiri kepada Pemohon pada 3 April 2022 dan Responden telah mengikrarkan Afidavit Penyampaian pada 6 April 2022.

[9] Kes tersebut telah didengar, dibicarakan dan diputuskan pada 6 April 2022 dan berdasarkan Perintah bertarikh 14 April 2022 kes tersebut telah didengar dengan kehadiran Responden, calon isteri dan wali tanpa kehadiran Pemohon.

[10] Pemohon telah membuat semakan dan pengesahan sendiri di Pejabat Agama Islam Daerah Seremban dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan pada 23 Mei 2022 dan memperolehi salinan Perintah tersebut.

[11] Pemohon memfailkan permohonan Semakan ini pada 2 Jun 2022.

ULASAN MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

[12] Sukacita kami tegaskan di sini bahawa permohonan semakan terhadap keputusan atau penghakiman Mahkamah Tinggi Syariah di bawah Seksyen 68 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 tidak boleh dibenarkan secara sewenang-wenangnya kerana proses semakan adalah menyemak

rekod kes tanpa proses pendengaran dari kedua-dua belah pihak. Ringkasnya, apabila pihak-pihak terkilan dengan apa-apa keputusan atau penghakiman, pihak-pihak tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan proses semakan untuk mendapatkan apa-apa *remedi*, atau penghakiman untuk memperbetulkan apa-apa perintah yang telah dikeluarkan itu.

[13] Arahan Amalan No. 7 Tahun 2014 (*Peraturan Semakan Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Atau Di Mahkamah Rayuan Syariah*) telah menetapkan kriteria-kriteria kes yang boleh disemak melalui peruntukan seksyen 68. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 -

Arahan Amalan No. 7 Tahun 2014

Peraturan Semakan Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Atau Di Mahkamah Rayuan Syariah

"Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Tahun 2014 pada 3 dan 4 Muharram 1436H bersamaan 27 hingga 28 Oktober telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan peraturan semakan kes di Mahkamah Tinggi Syariah atau di Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mengikut peraturan seperti berikut : -

- 1. Permohonan semakan boleh dibuat ke atas kes mal atau jenayah sama ada kes yang dalam prosiding atau yang telah diputuskan.*
- 2. Permohonan semakan kes oleh pihak-pihak hendaklah dibuat melalui Notis Permohonan bersama dengan Afidavit kecuali permohonan Hakim Syarie.*

3. Senarai kriteria (bentuk-bentuk) kes yang boleh dibuat melalui permohonan semakan adalah ;

i. Perintah / Penghakiman / Keputusan yang didapati bercanggah dengan nās Al-Quran / Al-Sunnah / Ijma' atau Qias seperti tempoh iddah tiga kali suci ketika isteri mengandung yang sepatutnya hingga melahirkan anak.

ii. Perintah / Penghakiman / Keputusan yang didapati bercanggah dengan peruntukan undang-undang sedia ada seperti menjatuhkan hukuman penjara melebihi tempoh yang ditetapkan oleh Akta / Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah.

iii. Kesilapan / kekhilafan oleh Hakim Bicara yang bersifat teknikal seperti kesilapan penulisan atau catatan bicara; kesilapan membuat rujukan prosedur dan undang-undang keterangan seperti perintah penyampaian gantian secara iklan dilaksanakan oleh pihak Defendan.

iv. Apabila hukuman yang diputuskan oleh seseorang Hakim Syarie semata-mata berdasarkan pengetahuannya mengenai fakta kes tersebut tanpa sebarang bukti yang lain, kemudian ternyata bahawa perkara tersebut tidak jelas.

v. Apabila ternyata kepada pihak Hakim Syarie mengenai kesilapan yang berlaku disebabkan keterangan atau pengakuan yang diberikan oleh kedua belah pihak.

4. Jika kes telah diputuskan atau keputusan akhir suatu isu yang

berbangkit di dalam prosiding pendengaran kes telah dibuat (lazimnya melalui prosiding interlokutori atau bantahan) proses rayuan hendaklah digunapakai.

5. *Jika kes telah diputuskan, dibangkitkan persoalan telah berlaku kecacatan dalam proses perbicaraan atau keputusan Hakim Bicara secara material bercanggah dengan undang-undang atau Hukum Syarak, maka proses semakan boleh dilaksanakan.*
6. *Jika kes belum diputuskan, isu berbangkit adalah berkaitan dengan tatacara pengurusan kes, tatacara prosiding perbicaraan ataupun isu-isu melibatkan tatacara berkaitan keterangan, proses semakan boleh dilaksanakan.*
7. *Suatu keputusan terhadap permohonan interim boleh disemak jika berkaitan isu-isu sebagaimana perenggan (5).*
8. *Semakan oleh Hakim Bicara apabila menyedari telah melakukan kekhilafan dalam prosiding kes yang dikendalikan atau keputusan yang telah dikeluarkan.*
9. *Arahan semakan oleh Mahkamah Atasan terhadap kes di Mahkamah Bawahan. Keputusan / perintah oleh Mahkamah Rayuan Syariah, tidak boleh disemak oleh Mahkamah yang sama atau Panel Rayuan Syariah yang berlainan kerana tidak ada bidang kuasa. Rujukan boleh dilihat sebagaimana yang diputuskan di dalam kes Siti Nurhayati Binti Mohd Daud lwn. Wan Shahrizan Bin Wan Suleiman dan seorang lagi [1434] JH 36 BHG.2 hlm. 84-96 dan Wan Khairani Binti Mahmood lwn. Ismail Bin Mohamd [1434] JH 36 BHG.2 hlm. 140-149.*

10. *Permohonan semakan hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan kecuali dibenarkan oleh Mahkamah yang lebih tinggi"*

[14] Di samping itu juga, Panel Rayuan Syariah melalui pelbagai kes semakan di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri-Negeri juga telah menggariskan beberapa panduan agar proses semakan hanya boleh dilaksanakan ke atas kes-kes atau isu-isu yang tertentu sahaja seperti dalam kes **Mokhtar Bin Yusup lwn. Nurin Binti Abdullah, JH 36 (2), kes Mahmud Abu Bekir Taib lwn Shahnaz A. Majid, Kes Mal (Semakan) Wilayah Persekutuan No. 14000-003-0033-2012, kes Khadrishah Bin Khalid lwn. Fadhilah Binti Othman, Kes Mal (Semakan) Wilayah Persekutuan No. 10000-003-0009-2011, Kes Adi Asri b. Baharom lwn. Andini Nidia Putra, Kes Mal (Semakan) Selangor No. 10000-003-0015-2012.**

[15] Berdasarkan kepada Arahan Amalan dan panduan otoriti kes-kes di atas, maka kesimpulan yang boleh dibuat ialah **permohonan semakan hanya boleh dibenarkan apabila telah berlaku kesilapan, kecacatan atau kecederaan yang secara material bercanggah dengan prinsip undang-undang dan Hukum Syarak sepanjang prosiding berlangsung di hadapan Hakim Bicara atau perintah / penghakiman Hakim Bicara yang dikeluarkannya ternyata membelakangkan undang-undang yang sedang berkuatkuasa atau menyalahi nas dan Hukum Syarak sehingga menyebabkan kepentingan keadilan pihak-pihak atau mana-mana pihak dinafikan serta diabaikan.**

[16] Bagi melaksanakan semakan ini, kami telah memanggil dan menyemak rekod Kes Saman No. : 05100-01100179-2022, Penelitian terhadap fail atau rekod kes tersebut sangat penting kerana proses semakan ialah untuk mengenalpasti

apakah adanya apa-apa kecacatan sepanjang perbicaraan atau kecacatan terhadap mana-mana perintah sama ada kecacatan dari segi undang-undang atau kekhilafan Hukum Syarak.

[15] Berdasarkan penelitian yang telah dijalankan, kami berpuas hati bahawa proses semakan boleh dijalankan kerana alasan yang dibangkitkan oleh Pemohon melibatkan persoalan prosedur perbicaraan (perenggan 5 *Arahan Amalan No. 7 Tahun 2014*) dan kesilapan yang berlaku disebabkan keterangan atau pengakuan yang diberikan oleh kedua belah pihak. (*Perenggan 3 (iv)*) *Arahan Amalan No. 7 Tahun 2014*. Pemohon mendakwa bahawa Pemohon selaku Defendan di dalam kes tersebut telah tidak menerima sesalanan Saman dan Pernyataan Tuntutan walaupun Afidavit Penyampaian yang diikrarkan oleh Responden menyatakan telah berlaku penyerahan Saman dan Pernyataan Tuntutan kepada Pemohon.

[16] Melalui semakan dan penelitian terhadap fail kes induk Kes Saman No. 3, kami temui beberapa dapatan penting iaitu –

- i. Responden telah memfailkan kes 05100-011-0179-2022 pada 24 Mac 2022 dan kes ditetapkan untuk sebutan pertama pada 6 April 2022.
- ii. Responden telah menyerahkan sesalanan Saman dan Pernyataan Tuntutan kepada Pemohon pada 4 April 2022 secara kediri dan Responden telah mengikrarkan Afidavit Penyampaian pada 6 April 2022.
- iii. Kes telah didengar dan diputuskan pada 6 April 2022 dengan kehadiran Responden, calon isteri dan wali tanpa kehadiran Pemohon.

[17] Kami dapati kes permohonan poligami adalah kes yang dimulakan dengan saman merujuk kepada Jadual Kedua Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (ETMMSNS 2003).

[18] Kami juga dapati tertakluk kepada Seksyen 41 Enakmen yang sama, penyampaian saman hendaklah disampaikan secara kediri.

Seksyen 41. Cara penyampaian

(1) Tertakluk kepada Bahagian ini, sesuatu saman atau dokumen lain hendaklah disampaikan ke diri, dan hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan saman atau dokumen lain itu, atau dengan mengemukakannya untuk diperiksa dan menyerahkan satu salinan saman atau dokumen lain itu, kepada orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), suatu salinan yang mengandungi meterai Mahkamah dan tandatangan Pendaftar hendaklah disifatkan sebagai suatu saman atau dokumen asal.

(3) Penyampaian sesuatu saman atau dokumen lain hendaklah dilaksanakan oleh pegawai Mahkamah atau mana-mana orang lain.

[19] Penyampaian saman pula hendaklah dibuktikan melalui afidavit orang yang melaksanakan penyampaian itu berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 49 Enakmen yang sama seperti di bawah -

Seksyen 49. Bukti penyampaian

(1) Penyampaian saman atau dokumen lain boleh, melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya, dibuktikan melalui afidavit orang yang melaksanakan penyampaian itu dan, jika penyampaian itu adalah kediri dan orang yang kepadanya saman atau dokumen lain itu hendak disampaikan tidak dikenalnya sendiri, melalui afidavit orang yang mengemukakan orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan.

(2) Orang yang kepadanya saman atau dokumen itu disampaikan hendaklah

menandatangani suatu pengakuteraan penyampaian; tetapi keengganan atau ketidakupayaannya menandatangani sedemikian tidak akan menjejaskan kesahan penyampaian itu.

[20] Berdasarkan Afidavit Penyampaian yang diikrarkan oleh Responden pada 6 April 2022 dan berdasarkan nota keterangan kes bertarikh 6 April 2022, kami dapati YA Hakim Bicara telah berpuas hati dengan bukti penyampaian saman tersebut bahawa saman tersebut telah disempurnakan penyerahannya kepada Defendan iaitu Pemohon melalui Responden pada 3 April 2022.

[21] Walau bagaimanapun kami merujuk kepada Notis permohonan dan afidavit yang diikrarkan oleh Pemohon dalam kes ini kami mendapati Pemohon menyatakan tidak dimaklumkan mengenai kes tersebut dan tidak diserahkan Saman, Pernyataan Tuntutan dan Wakalah Peguam Syarie kes tersebut seperti yang diikrarkan oleh Responden di dalam Afidavit Penyampaian bertarikh 6 April 2022. Ini adalah kerana Pemohon tidak berada di lokasi yang disebutkan di dalam Afidavit Penyampaian tersebut pada masa dan tarikh yang dinyatakan. Pemohon mendapati tandatangan Pemohon telah dipalsukan di dalam akuan penerimaan Saman, Pernyataan Tuntutan dan Wakalah Peguam Syarie.

[22] Kami berpandangan dalam hal ini YA Hakim Bicara telah membuat keputusan dengan tidak menepati fakta yang sebenar. Sukacita kami merujuk kepada peruntukan seksyen 23 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan yang memperuntukkan sebagaimana berikut:

Seksyen 23. Poligami

- (1)
- (2).....
- (3)

(4)

(5) Apabila diterima permohonan itu, Mahkamah hendaklah memanggil pemohon, isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, bakal isteri, wali kepada bakal isteri, jika ada, dan orang lain yang difikirkan oleh Mahkamah boleh memberikan maklumat mengenai perkahwinan yang dicadangkan itu untuk hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam Mahkamah tertutup, dan Mahkamah boleh memberikan kebenaran yang dipohon itu jika berpuas hati—

(a) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut atau perlu, dengan mengambil kira, antara lain, hal-hal keadaan yang berikut, iaitu, kemandulan, keuzuran jasmani, ketidaklayakan dari segi jasmani untuk persetubuhan, kelinggaran sengaja untuk mematuhi perintah untuk pemulihan hak-hak persetubuhan, atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada;

(b) bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak, semua isteri dan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang-orang tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu;

(c) bahawa pemohon akan berupaya memberikan layanan yang adil kepada semua isterinya mengikut kehendak Hukum Syarak; dan

(d) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu tidak akan menyebabkan *darar syar'i* kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada.

(6) Suatu salinan permohonan di bawah subseksyen (4) dan *iqrar* yang dikehendaki oleh subseksyen itu, hendaklah disampaikan bersama dengan surat panggilan kepada tiap-tiap isteri yang sedia ada dan kepada bakal isteri.

[22] Arahan Amalan No 7 tahun 2021 iaitu Pemakluman kepada Isteri/Isteri-isteri sedia ada untuk hadir dalam Prosiding Permohonan Kebenaran Berpoligami serta Permohonan Pengesahan dan Pendaftaran Nikah Poligami, mengukuhkan lagi keperluan menyampaikan permohonan bukan sekadar untuk disampaikan bahkan untuk hadir semasa prosiding. Dalam hal ini bagi merealisasikan hasrat pewujudan

seksyen 23 Enakmen dan Arahan Amalan no 7 tahun 2019, kami berpandangan penyampaian saman atau notis hendaklah disempurnakan dan disampaikan oleh mahkamah bagi mengelakkan penyalahgunaan dan ketidakaturan penyampaian.

[23] Kami berpendapat isu bahawa ikrar penyampaian saman yang dibuat oleh Responden dikatakan palsu dan kenyataan Pemohon yang menyatakan tandatangan beliau dipalsukan sehingga Pemohon tidak tahu tentang permohonan Poligami perlu diteliti dan diputuskan oleh mahkamah kerana secara jelas telah menyebabkan ketidakadilan dari segi hukum dan undang-undang.

[24] Berdasarkan kepada ulasan yang kami kemukakan, kami berpendapat bahawa YA Hakim Bicara telah terkhilaf dengan meneruskan prosiding Permohonan Kebenaran BerPoligami tanpa kehadiran Pemohon/ Responden dan membuat keputusan dengan tidak mendapatkan fakta yang sebenar. Hal keadaan ini boleh menjejaskan keadilan kepada pihak Pemohon/ Responden dan/atau dinafikan serta diabaikan. Ini selari dengan perintah Allah yang menghendaki supaya kita bertindak adil dalam semua perkara agar matlamat keadilan dapat dicapai.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia, supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha mendengar lagi Maha Melihat.”

(an-Nisaa': 58)

KEPUTUSAN


SETELAH membaca dan meneliti Notis Permohonan dan Affidavit Pemohon, **MAKA KAMI** sebulat suara memutuskan sebagaimana yang berikut:

- [1] Permohonan semakan Pemohon adalah **DITERIMA**.
- [2] Kes Mal No.: 05100-011-0179-2022 bertarikh pada 6 April 2022 dibatalkan dan hendaklah dibicarakan semula di Mahkamah Tinggi Syariah.


Penghakiman ini diberikan oleh:



1. **YAA DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**
Pengerusi
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan



2. **YA DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan



3. **YA DATO' HAJI HUSSIN BIN HAJI HARUN**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan